

| | | | |
|--------------------|------------------------------------|---------------------|---------------------------|
| Headline | Empat terima basiswa Litrak | Language | MALAY |
| Date | 28. Aug 2008 | Page No | 6 |
| Media Title | Harian Metro | Article Size | 165 cm² |
| Section | Setempat | Frequency | Daily |
| Circulation | 336603 | Color | Full Color |
| Readership | 2192000 | AdValue | 2125.39 |



MESRA...Ismail (lima dari kanan) beramah mesra dengan penerima basiswa Litrak, semalam.

Empat terima basiswa Litrak

PETALING JAYA: Empat pelajar institut pengajian tinggi awam (IPTA), menerima anugerah basiswa daripada syarikat konsesi lebuhraya, Lingkaran Trans Kota Sdn Bhd (Litrak), semalam.

Majlis disempurnakan Timbalan Ketua Pengarah Lemba baga Lebuhraya Malaysia (LLM), Ir Ismail Md Salleh.

Turut hadir Pengarah Kumpulan Litrak, Datuk Ir Azmi Mat Nor; Ketua Pegawai Eksekutifnya, Sazally Said dan Ketua Pegawai Operasinya, Richard Lim.

Sejak mula diperkenalkan pada 2000, Litrak menawarkan basiswa kepada 34 pelajar membatikan peruntukan mencapai RM800,000 dengan tahun ini jumlah keseluruhan tajaan menjangkau RM99,000.

Litrak akan menaja penerima sehingga mereka tamat pengajian dengan menampung yuran pengajian setiap semester selain memberi wang saku bulanan RM500 setiap bulan.

Pemberian itu sebagai tandanya Litrak tidak pernah mengabaikan tanggungjawab

sosialnya kepada masyarakat selain sedar bimbingan serta sokongan sektor korporat membolehkan graduan mencapai kecemerlangan sekali gus pembimbang generasi muda.

Empat pelajar terbabit daripada pelbagai latar belakang keluarga dan pendidikan yang menerima basiswa itu semalam ialah Muhamad Akbar Al Has Abd Latif, 19; Nor Aimuni Md Rashid, 20; Rose Hazira Hassan, 22, dan Tan Ho Inn, 21.

Muhamad Akbar Al Has berkata, dia bersyukur dan amat berterima kasih kepada Litrak kerana syarikat itu sudi menanggung pengajiannya selama empat tahun di Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam bidang kejuruteraan mekanikal.

"Sebelum menerima basiswa ini keluarga banyak menasihatkan saya supaya berfikir banyak kali kerana bimbang prosedur atau perjanjiannya boleh mendatangkan kesan buruk, namun selepas mendapat maklumat jelas daripada Litrak, saya tidak ragu-ragu," katanya.